



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MENTERI-MENTERI DAN MESYUARAT PEGAWAI- PEGAWAI KANAN ASEAN BERKAITAN SUKAN, 28 OGOS-1 SEPTEMBER 2023, CHIANG MAI, THAILAND

1. Malaysia melalui Kementerian Belia dan Sukan yang diketuai oleh YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Berkaitan Sukan dari 28 Ogos hingga 1 September 2023 di Chiang Mai, Thailand.
2. Terdapat enam (6) mesyuarat telah diadakan iaitu *14th ASEAN Senior Officials Meeting on Sports* pada 28 – 29 Ogos 2023, *6th ASEAN Plus Japan Senior Officials Meeting on Sports* dan *2nd ASEAN Plus Japan Senior Officials Meeting on Sports* pada 30 Ogos 2023, *7th ASEAN Ministerial Meeting on Sports* pada 31 Ogos 2023, *4th ASEAN Plus Japan and 1st ASEAN Plus China Ministerial Meeting on Sports* pada 1 September 2023.
3. Pelbagai inisiatif dan program pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh Negara Anggota ASEAN dan rakan dialog iaitu Republik Rakyat China dan Jepun bagi meningkatkan kesejahteraan dan peluang generasi muda telah diketengahkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang terlibat. Mesyuarat turut mengalu-alukan Timor Leste

yang julung kali menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut sebagai pemerhati.

4. Mesyuarat turut membincangkan dan membuat semakan ke atas kemajuan pelaksanaan inisiatif di bawah *ASEAN Work Plan on Sports 2021-2025* selain mengkaji impak pelaksanaan menuju ke arah pembangunan Rancangan Kerja ASEAN dalam Sukan 2026-2030.
5. Mesyuarat telah bersetuju dengan kenyataan bersama Menteri-Menteri Sukan ASEAN berhubung komitmen Negara Anggota ke atas pelaksanaan *ASEAN Work Plan on Sports 2021-2025* dan memberi penghargaan kepada rakan dialog AMMS dan rakan strategik belia yang telah bersama-sama melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan sukan di ASEAN.
6. Selain itu beberapa inisiatif turut dibincangkan seperti promosi dan peliharaan sukan tradisi dan penglibatan wanita dalam sukan. Dalam hal ini, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Wanita ASEAN dalam Sukan dari 14 hingga 16 November 2023.
7. Turut dibincangkan adalah inisiatif mendalami kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak *Fédération Internationale de Football Association (FIFA)* serta kesediaan Negara Anggota ASEAN dalam usaha membida Kejohanan Bola Sepak World Cup 2034 melalui platform Memorandum Persefahaman ASEAN-FIFA yang telah ditandatangani pada 2 November 2019.

8. Malaysia telah menyatakan kesediaan dalam menjadi hub kecemerlangan sukan bagi bidang kejurulatihan sukan di peringkat ASEAN. Inisiatif ini memerlukan kerjasama semua Negara Anggota ASEAN serta sokongan rakan dialog.
9. Mesyuarat Peringkat ASEAN berkaitan sukan ini dilihat sebagai platform penting di rantau ini dalam meningkatkan kerjasama berkaitan pembangunan sukan di samping menggunakan sukan sebagai perantara perpaduan dan kesejahteraan serta potensi penjana ekonomi melalui industri sukan.



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

1 SEPTEMBER 2023